

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
(PANDAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.06.2015**

**Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah cukai eksais dan cukai import ke atas kereta/kenderaan akan dihapuskan memandangkan Kerajaan tidak lagi memberikan subsidi petrol dan diesel kepada rakyat. Nyatakan jumlah dikutip bagi dari Jan 2014 hingga Mac 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan perlu meneliti dengan mendalam cadangan untuk memansuhkan duti dan cukai atas kenderaan

oleh kerana, langkah ini mendatangkan implikasi rantaian (*chain effect*) yang negatif kepada industri kereta baru, terpakai dan juga pemillik kereta itu sendiri.

Hampir 60% daripada kadar pembelian kereta baru adalah bergantung kepada harga jualan kereta terpakai. Sebagai contoh sekiranya harga kereta jatuh dengan mendadak pemilik kereta sedia ada tidak mampu menukar kereta baru disebabkan perbezaan yang ketara di antara nilai kereta sedia ada yang dibiayai melalui pinjaman bank, dengan nilai kereta tersebut di pasaran. Malah industri kereta terpakai juga akan mengalami kerugian yang besar akibat penurunan harga ke atas stok kereta terpakai mereka.

Justeru itu, sebarang kajian bagi mengurangkan harga kereta perlu mengambilkira kesannya kepada pihak berkaitan seperti pemilik kenderaan, industri automotif, alam sekitar, initiatif peningkatan kemudahan pengangkutan awam kepada rakyat serta diseimbangkan dengan kedudukan ekonomi negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh Januari 2014 hingga Disember 2014 jumlah kutipan duti dan cukai atas kenderaan adalah sebanyak RM12.6 bilion.